

TRANSFORMASI FALSAFAH PEMBANGUNAN NEGARA – 1 MALAYSIA
TRANSFORMATION OF THE NATIONAL DEVELOPMENT PHILOSOPHY - 1MALAYSIA

ASAN ALI GOLAM HASSAN

ABSTRAK

Struktur ekonomi atau demografi dalam pembangunan ekonomi Malaysia telah dipengaruhi oleh latar belakang sejarah Negara. Semenjak merdeka dalam tahun 1957 sehingga Dasar Ekonomi Baru (DEB) tahun 1971, dasar pembangunan nasional Malaysia adalah bermatlamatkan kearah mempercepatkan pertumbuhan pesat ekonomi dan dalam masa yang sama mengurangkan ketakseimbangan demografi dan ekonomi antara wilayah. Falsafah pembangunan Malaysia boleh dibahagikan kepada enam peringkat. Daripada peringkat (1) iaitu “pembangunan pada lokasi yang terbaik” di bawah jajahan British sehingga kemerdekaan dalam tahun 1957; kepada peringkat (2) “mempercepatkan pertumbuhan maksimum” selepas merdeka sehingga tahun 1970; kepada peringkat (3) “pertumbuhan dengan kesaksamaan + pembangunan ke atas kumpulan sasaran” di bawah pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn; kepada peringkat (4) “pertumbuhan dengan kesaksamaan + pembangunan ke atas kumpulan terbaik” di bawah pemerintahan Tun Mahathir Mohamad; kepada peringkat (5) “pertumbuhan dengan kesaksamaan + membangun bersama saya” di bawah pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan akhir sekali kepada peringkat (6) “pertumbuhan dengan kesaksamaan + 1Malaysia” di bawah pemerintahan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Matlamat terakhir dalam 1Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan teras ketiga dalam Misi Kebangsaan iaitu untuk menyelesaikan ketakseimbangan sosio-ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. Menjana pertumbuhan yang lebih seimbang dan memastikan manfaat hasil daripada pertumbuhan dirasai oleh semua rakyat Malaysia dengan adil dan saksama. Ia juga dikaitkan dengan ideologi Rukun Negara iaitu “membina masyarakat yang adil yang mana kekayaan negara boleh dinikmati bersama dalam keadaan yang adil dan saksama”.

ABSTRACT

Demographic or economic structures in Malaysian economic development have been strongly influenced by the country’s historical background. In the period of self-government, since 1957 and subsequently under the New Economic Policy (NEP) (1971), Malaysian national development policy has been aimed towards accelerating rapid economic growth and at the same time reducing demographic and economic imbalance across regions. Malaysian development philosophy can be divided into six stages. From (1) “building upon the best location” under British colonial until independent in 1957; to (2) “accelerating maximum growth” after independence until 1970; to (3) “growth with equity + building upon the target group” under the leadership Allayarham Tun Abdul Razak and Allayarham Tun Hussein Onn; to (4) “growth with equity + building upon the best group” under Tun Dr. Mahathir Mohamad; to (5) “growth with equity + develop with me” under Tun Abdullah Ahmad Badawi and finally (6) “growth with equity +1Malaysia” under Datuk Seri Najib Tun Razak. The final aims of 1Malaysia have close relationship with third thrust of National Mission, to address persistent socio-economic inequalities constructively and productively. Generating more balanced growth and ensuring the benefits of growth are enjoyed by the Malaysian people in a fair and just manner. It is also associated with National Ideology (National Principles; Rukun Negara) “creating a just society where the prosperity of the country can be enjoyed together in a fair and equitable manner”.

PENDAHULUAN

Pembangunan boleh didefinisikan sebagai proses peralihan ke hadapan kepada keseluruhan sistem sosial seperti peningkatan produktiviti, keseimbangan ekonomi dan sosial, pengetahuan moden, kewujudan institusi-institusi moden dan peralihan kepada sikap yang lebih baik. Walaubagaimana adalah mustahil

transformasi ekonomi akan berlaku serentak di semua lokasi dalam sesebuah negara. Ketidakeimbangan pembangunan dalam proses transformasi ekonomi ini berlaku kerana pertama; faktor-faktor sumber asli yang tidak mobile (*imperfect factor mobility*), kedua kerana penumpuan aktiviti ekonomi di suatu kawasan terpilih (*imperfect divisibility*), dan ketiga kerana faktor pengangkutan dan komunikasi (*imperfect mobility of goods and services*) yang juga terpilih di sesuatu kawasan yang mempunyai faedah berbanding (*comparative advantages*) yang tinggi secara relatifnya (Hoover & Giarratani 1999).

Pada pendapat saya, falsafah pembangunan yang dilalui oleh Malaysia boleh dibahagikan kepada enam fasa. (1) Daripada “membangunkan suatu kawasan yang terpilih” (*building upon the best location*) - di bawah penjajahan British sehingga merdeka; (2) kepada “memaksimumkan pencapaian ekonomi” (*accelerating maximum growth*) - selepas merdeka sehingga 1970; (3) kepada “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama + membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir” (*growth with equity + building upon the target group*) - di bawah pucuk pimpinan Allayarham Tun Abdul Razak dan Allayarham Tun Hussein Onn; (4) kepada “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama + membangunkan kumpulan yang terbaik” (*growth with equity + building upon the best group*) di bawah pimpinan - Tun Dr. Mahathir Mohamad; (5) kepada “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama + membangun bersama saya di bawah pimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan terkini (6) “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama + 1Malaysia” di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

PEMBANGUNAN DAN KETIDAKSEIMBANGAN

Secara am, ketidaksetaraan pembangunan di Malaysia (dulu Malaya) sangat bergantung kepada latarbelakang sejarah. Dari segi faktor dalaman, ianya adalah disebabkan oleh lokasi pelabuhan strategik, sumber bijih timah serta pertanian moden (ladang getah) yang tidak seimbang antara negeri. Dari segi faktor luaran pula, ianya adalah kerana polisi pihak penjajah serta lokasi pilihan penghijrahan antarabangsa dari China dan India. Faktor-faktor dalaman serta luaran ini mewujudkan kesan kumulatif tersendiri yang berkaitan dengan indikator ketidakseimbangan yang lain. Pendekatan pembangunan pada zaman itu lebih kepada “membangunkan suatu kawasan yang terbaik” (*building upon the best location*)¹ yang mempunyai faedah berbanding (*comparative advantages*) yang tinggi.

Selepas merdeka (1957), kerajaan mengadaptasi pendekatan pasaran bebas (*laissez-faire*) yang berasaskan kepada pendekatan Harrod-Domar. Pada tahun 1950an dan 1960an, tumpuan utama adalah pada strategi “memaksimumkan pencapaian ekonomi” melalui pelaburan dan infrastruktur (Rudner 1983; Lim 1983a). Ini adalah untuk menggalakkan pembangunan maksimum komoditi eksport dan industri pengganti import. Walaupun strategi ini berjaya meningkatkan pencapaian ekonomi negara, namun ia membawa kepada masalah kestakeimbangan agihan aktiviti ekonomi dan menyebabkan pengenalan sesuatu kaum mengikut fungsi ekonomi dan lokasi geografi yang akhirnya membawa kepada rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Pada 1971 Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, dengan tumpuan kepada kepelbagaian ekonomi, penekanan kepada pembangunan luar bandar, pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat telah menjadi objektif utama pembangunan ekonomi negara. Matlamat perancangan pembangunan “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama”. Pendekatan pembangunan ketika itu lebih kepada membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir”, dari mundur, tidak membangun – dengan tulang empat kerat kita akan membangun bersama-sama dan hasilnya kita akan agihkan bersama-sama.

Untuk mencapai matlamat tersebut, perbagai agensi kerajaan (perusahaan awam) ditubuhkan khusus untuk membangunkan kawasan luar bandar. Perancangan-perancangan baru dan yang telah ada sejak Rancangan Malaya Pertama dirancarkan lagi terutamanya melalui DEB (1971-1990). Strategi utama pembangunan luar bandar telah dilaksanakan iaitu, pembukaan tanah (rancangan) baru; pembangunan *in-situ*; pemodenan luar bandar dan penciptaan pesat pertumbuhan yang baru; dan strategi penyelarakan kawasan industri ke kawasan luar bandar dipergiatkan. Matlamatnya untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar Bandar, terutamanya orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak (Asan & Muszafarshah, 2010a).

Memang diakui strategi-strategi disasarkan khusus untuk luar bandar. Rancangan Buku Merah, konsep *Saemaul Undong*, pembangunan koperasi desa, FELDA, FELCRA, RISDA, KEJORA, KESEKAR, KETENGAH, MADA, DARA dan lain-lain direka khusus untuk masyarakat luar bandar (*building upon the target group*). Ketika itu juga, sektor pertanian masih menjadi teras ekonomi negara dan sektor luar bandar (pertanian) merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan gunatnaga.

Walaubagaimanapun sektor luar bandar mula kurang penting apabila teras ekonomi negara memasuki era perindustrian sejak pertengahan 1980an. Diakui, pembangunan juga dilihat sebagai satu proses transformasi ekonomi dari ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berasaskan perindustrian dan perkhidmatan. Di Malaysia, industri-industri seperti memproses makanan, minuman, perabut, kertas dan keluaran kertas, getah dan keluaran getah dan keluaran bukan logam yang tidak memerlukan teknologi tinggi mudah untuk tersebar di kawasan kurang maju yang pada keseluruhannya daya pengeluaran buruh yang rendah dan tingkat upah yang juga rendah. Kebanyakan industri-industri yang besar dan berasaskan teknologi moden lebih tertumpu di wilayah-wilayah yang agak maju dibandingkan dengan industri-industri kecil (termasuk IKS). Di wilayah-wilayah ini juga masalah kemiskinan berlaku pada kadar yang agak besar. Tiada pekan di kawasan ini yang dapat ditakrifkan sebagai kawasan bandar. Ketiadaan kawasan bandar di wilayah-wilayah ini akan melambatkan pembangunan kerana pekan-pekan kecil kurang mampu menjana aliran perdagangan/perniagaan antara bandar/wilayah (Ishak Shari & Asan 2001; Asan 2004).

Selain itu, sejak pertengahan 1980an, pendekatan pembangunan juga nampaknya telah berubah daripada kita “membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir”, kepada “kita bangunkan dahulu satu kumpulan yang terbaik yang kemudiannya akan dapat membangunkan satu kumpulan lain lebih besar”. Mudahnya, untuk maju, 2-3 orang/syarikat perlu dimajukan dahulu, yang kemudiannya akan berlaku proses titisan ke bawah yang akan memajukan satu kumpulan lain yang lebih besar. Jika pada sebelum pertengahan 1980an falsafah pembangunan - “membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir” berubah kepada “membangunkan kumpulan yang terbaik” (*from building upon the target group*” to *building upon the best group*).

Kaedah ini “membangunkan satu kumpulan yang terbaik” ini lebih berkesan (cepat menunjukkan hasil dari segi kewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera) dari kaedah “membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir” walaubagaimana pun dari segi agihan sudah tentulah kaedah “membangunkan kumpulan sasaran yang terpinggir” lebih baik walaupun ia mungkin akan mengambil masa yang panjang. Apa yang dikuatiri melalui “membangunkan satu kumpulan yang terbaik” akan berlaku ketidakseimbangan agihan dalam kaum dan dalam kawasan bandar dan luar Bandar itu yang semakin meningkat. Selain itu, syarikat yang lahir dari “memajukan satu kumpulan” tertentu ini mungkin tidak kukuh dan telah banyak kita pelajari dari krisis ekonomi, 1997 yang lepasⁱⁱ. Globalisasi dan liberalisasi serta perubahan struktur ekonomi kearah k-ekonomi dan ICT yang dijalankan seiring dengan pendekatan “membangunkan satu kumpulan yang terbaik” yang nampaknya tidak banyak membantu sektor dan masyarakat luar bandar.

Sehubungan itu, pada saya, Tun Abdullah Ahmad Badawi, memperkenalkan melalui falsafah pembangunan beliau “*growth with equity + membangun bersama saya*” yang maksudnya “kita akan membangun bersama-sama” (falsafah ini dipetik dari kata-kata YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas dilantik menjadi Perdana Menteri, “jangan berkerja untuk saya tetapi berkerjalah bersama saya), melalui penghayatan Islam Hadari, Misi Nasional serta pelaksanaan koridor-koridor pembangunan.

Tun Ahmad Badawi semasa berucap sempena Hari Peneroka Negara pada 10 Januari 2004 telah menggariskan lima strategi bagi menjadikan tanah rancangan FELDA sebagai kawasan pembangunan ekonomi raksasa untuk merapatkan jurang ekonomi penduduk bandar dan luar bandar termasuklah juga jurang ekonomi antara negeri maju dan negeri yang kurang majuⁱⁱⁱ. Dasar Koperasi Negara yang telah banyak diperkata dan dicadangkan sejak pertengahan 1980an telah mendapat perhatian semula oleh pemimpin negara. Dasar Koperasi Negara telah dilancarkan pada 29 Januari 2004^{iv}. Sektor luar bandar (pertanian) telah diberi penekanan dengan matlamat untuk meningkatkan kadar mampu-diri pengeluaran makanan negara disamping mengawal faktor tekanan peningkatan harga dari luar.

Selain itu, Misi Nasional, dalam RMKe-9, merupakan satu rangka kerja dasar dan pelaksanaan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Misi Nasional memberi penekanan kepada meningkatkan keupayaan negara bersaing diperingkat global, memperkukuh perpaduan negara serta pengagihan pendapatan serta kualiti hidup yang lebih baik. Lima teras utama Misi nasional ini ialah (1) meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara, (2) meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, (3) menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif, (4) meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan (5) mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. Antara lima teras dasar ini, teras ketiga iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif sangat berkait rapat dengan matlamat akhir DEB (juga dan DPB, DWN) iaitu memperkukuh perpaduan negara.

Kini, mungkin orang ramai tertunggu-tunggu bagaimana falsafah pembangunan - “*growth with equity + 1Malaysia*” akan diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan. Iaitu bagaimana 3K 1Malaysia iaitu kesaksamaan, kesamarataan dan kekitaan ini akan diintegrasikan dalam falsafah Rukun Negara dan terutamanya perkara-perkara yang telah jelas terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan (perkara 152 - bahasa Melayu dan 153 - hak keistimewaan orang Melayu dan pribumi Sabah dan Sarawak).

IDEOLOGI NEGARA DAN 1 MALAYSIA

Dasar Ekonomi Baru, iaitu bagaimana agihan kekayaan ekonomi negara seharusnya dilaksanakan dengan matlamat akhirnya untuk mencapai perpaduan adalah sebahagian daripada ideologi negara yang wajar difahami dan dihormati oleh semua warganegara. Tanpa adanya satu ideologi negara yang saling diterima dan dihormati, matlamat pertumbuhan ekonomi, pengagihan yang saksama, kestabilan politik dan perpaduan nasional tidak mungkin dapat dicapai.

Rukun Negara adalah ideologi negara Malaysia. Ia bermatlamat untuk menyatukan pelbagai kaum di Malaysia dalam satu ideologi nasional. Ia diisytiharkan kepada semua warganegara Malaysia pada sambutan Hari Kemerdekaan 1970 iaitu selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan sebelum DEB itu dilaksanakan. DEB dirangka sebagai alat pembangunan ekonomi kepada ideologi pembinaan negara Malaysian iaitu merupakan asas kesejahteraan ekonomi Rukun Negara. DEB tidak boleh bergerak tanpa semua rakyat memahami dan berazam untuk mencapai ideologi negara (Rukun Negara).

Matlamat pengagihan yang saksama terkandung dalam Rukun Negara “**kekayaan negara akan dibahagikan secara saksama**” dan mula dilaksanakan melalui DEB. Matlamat akhir DEB ialah perpaduan nasional, seperti yg digariskan dalam perisytiharan Rukun Negara, “**berazam untuk mencapai perpaduan bagi semua rakyatnya**”.

RUKUN NEGARA

Perisytiharan

NEGARA KITA, MALAYSIA, berazam
 untuk mencapai perpaduan bagi semua rakyatnya;
 untuk mengekalkan cara hidup berdemokrasi;
 untuk mewujudkan masyarakat yang adil di mana
 kekayaan negara akan dibahagikan secara saksama;
 untuk memastikan pendekatan liberal
 kepada tradisi budayanya yang kuat dan pelbagai;
 untuk membina masyarakat progresif yang menuju
 ke arah sains dan teknologi moden

KAMI, rakyatnya, berikrar menyatukan usaha untuk
 Mencapai matlamat ini menurut prinsip-prinsip berikut;

Kepercayaan kepada Tuhan
 Kesetiaan kepada Raja dan Negara
 Keluhuran Perlembagaan
 Kedaulatan Undang-Undang
 Kesopanan dan Kesusilaan

“KAMI, berikrar menyatukan usaha untuk mencapai matlamat menurut” salah satunya ialah Keluhuran Perlembagaan”. Jelas, Keluhuran Perlembagaan adalah satu ideologi negara yang menjadi pendoman dan dihormati oleh semua pihak. Maka isu pengagihan dan hak orang Melayu termasuk Bumiputera Sabah, Sarawak dan masyarakat Orang Asli seperti yang dinyatakan dalam Perkara 153 tidak seharusnya dianggap sebagai satu diskriminasi kerana ia adalah sebahagian dari Perlembagaan Malaysia yang merupakan salah satu daripada intipati ideologi negara yang kita telah berikrar untuk mencapainya. Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara (dalam buku Constitution, Law and Judiciary) ada menyebut,

“bagi sesiapa yang tidak bersetuju dengan Perlembagaan Malaysia, dia akan setiasa tidak bersetuju dengan Rukun Negara”.

Ideologi negara termasuk juga Perlembagaan Malaysia tidak menyebut dengan jelas bagaimana kaum pribumi akan dibantu dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu, Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) kerajaan diolah supaya seiring dengan apa yg telah ditetapkan oleh ideologi negara. RRJP ini bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (1971-1991) kemudian Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan kini Model Ekonomi Baru (2011-2020).

DEB merupakan suatu proses “kejuruteraan sosial” berlandaskan kontrak sosial 1957 untuk mencapai matlamat perpaduan kaum melalui pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Pencapaian matlamat DEB sangat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi negara, iaitu bagaimana pertumbuhan itu kemudiannya akan diagihkan bagi mencapai matlamat pengagihan.

Sejak DEB dilancarkan, pembangunan kepada kepelbagaian ekonomi, penekanan kepada pembangunan luar bandar, pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat telah menjadi objektif utama pembangunan ekonomi negara. Matlamat perancangan pembangunan ialah “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama.

Untuk mencapai matlamat tersebut, perbagai agensi kerajaan (perusahaan awam) ditubuhkan khusus untuk membangunkan kawasan luar bandar. Perancangan baru dan yang wujud sejak Rancangan Malaya Pertama dirancarkan lagi terutamanya melalui DEB. Strategi utama pembangunan luar bandar telah dilaksanakan iaitu, pembukaan tanah (rancangan) baharu; pembangunan *in-situ*; pemodenan luar bandar dan penciptaan pesat pertumbuhan yang baru; serta strategi penyelarakan kawasan industri ke kawasan luar bandar. Selain itu, Rancangan Buku Merah, konsep *Saemaul Undong*, pembangunan koperasi desa, dan pelbagai agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, MADA, DARA, Bank Bumiputera dan lain-lain diwujudkan khusus untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dan meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing dalam bidang ekonomi (Asan 2009a; 2009b).

Tanpa bantuan agensi-agensi kerajaan ini, kaum pribumi sukar untuk bersaing kerana mereka bermula pada tahap perniagaan atau kemahiran yang berbeza. Dato’ Roslan Abdullah, Pengerusi pertama Bank Bumiputera pernah membandingkan apa yang berlaku dengan perumpamaan sebuah kereta Jaguar yang memotong Morris Minor dan terus hilang dari pandangan.

Matlamat Ideologi negara juga diserapkan Misi Nasional iaitu satu rangka kerja dasar dan pelaksanaan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Misi Nasional memberi penekanan kepada peningkatan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, memperkukuh perpaduan negara serta pengagihan pendapatan serta kualiti hidup yang lebih baik. Teras ketiga misi nasional ialah menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif sangat berkait rapat dengan Ideologi negara “**kekayaan negara akan dibahagikan secara saksama**” (Malaysia 2005).

Model Ekonomi Baru (2011-2020) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) juga terus memberi penekanan kepada meningkatkan potensi menjana pendapatan, pencapaian pendidikan dan kemahiran bagi isirumah berpendapatan rendah. Strategi juga dirangka bagi meningkatkan taraf hidup golongan yang terpinggir dari arus pedana pembangunan ekonomi negara yang meliputi kaum pribumi Sabah, Sarawak, masyarakat Orang Asli di Semenanjung, bantuan-bantuan kewangan dan meningkatkan akses kepada infrastruktur di kampung-kampung baru Cina dan pekerja ladang (Malaysia 2010).

Tindakan afirmatif berhubung langkah membantu orang pribumi dalam Model Ekonomi Baru akan lebih berasaskan kepada mesra pasaran, lebih berasaskan merit, lebih telus dan berdasarkan keperluan. Menurut Datuk Seri Najib Razak, semasa membentang Model Ekonomi Baru "objektif asalnya masih lagi relevan, namun, sudah tiba masanya untuk kita menilai kembali pelaksanaan DEB. Kita akan mensasarkan pencapaian matlamat yang sama tetapi dengan mengubah cara kita melaksanakannya" (Asan, 2010b).

PENUTUP

“Satu Malaysia” yang juga merangkumi “pertumbuhan dan pengagihan yang saksama” perlu diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan, iaitu bagaimana kesaksamaan, kesamarataan dan kekitaan akan diintegrasikan dengan ideologi negara terutamanya perkara-perkara yang jelas terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Matlamat akhir “Satu Malaysia” ialah perpaduan yang berkaitan secara langsung dengan teras ketiga Misi Nasional, iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosio ekonomi secara membina dan

produktif. Ia sangat berkait rapat dengan ideologi negara “**kekayaan negara akan dibahagikan secara saksama**” dan “**berazam untuk mencapai perpaduan bagi semua rakyatnya**” seperti yang terkandung dalam Rukun Negara.

Cabaran utama kini ialah bagaimana hendak mengintegrasikan budaya kecemerlangan, prinsip meritokrasi dengan agihan kek ekonomi dengan berkonsepkan peluang untuk semua dengan ideologi negara dalam merangka perancangan pembangunan dengan maltamat akhir, iaitu pencapaian taraf negara maju yang makmur tanpa membelakangkan ideologi negara iaitu RUKUN NEGARA.

RUJUKAN

- Asan Ali Golam Hassan & Muszafarshah Mohd Mustafa. 2010a. *Income Distribution to Regional Disparities: a Cumulative Causation from Malaysia's Experience*. Dlm. Aris Ananta & Rick Barichello (eds). **Poverty, Food, and Global Recession in Southeast Asia**. Institute of Southeast Asian Studies. Singapore.
- Asan Ali Golam Hassan. 2010b. *Menghormati Ideologi Negara*. **Utusan Malaysia**. 20 Ogos 2010. Utusan Melayu Publication.
- Asan Ali Golam Hassan. 2009a. *Dari Satu Kawasan kepada 1Malaysia*. **Dewan Ekonomi**. September 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asan Ali Golam Hassan. 2009b. *Development Philosophy of National Leaders and Cumulative Causation of Development Disparity*. **Roundtable Discussion: Addressing Inequality**. Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. Putrajaya. 28 May 2009.
- Asan Ali Golam Hassan. 2004. **Growth, Structural Change and Regional Inequality in Malaysia**. Aldershot: Ashgate Publishing Ltd, England.
- Asan Ali Golam Hassan. 1998. **Gerakan Koperasi Di Malaysia: Peranan dan Strategi Dalam Pembangunan Negara**. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Gomez, E.T. & Jomo K.S. 1997. **Malaysia's Political Economy; Politics, Patronage and Profits**. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hoover, M.E. and Giarratani, F. 1999. *An Introduction to Regional Economics*. Dlm. Web Book of Regional Science. Regional Research Institute. West Virginia University.
- Ishak Shari & Asan Ali Golam Hassan. 2001. **Growth and Quality of Life**. Dlm. Fatimah Wati Ibrahim & Norehan Abdullah (eds). *Issues on Economic Growth and Quality of Life in Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Publication.
- Jomo, K.S. and Ishak Shari. 1986. **Development Policies and Income Inequality in Peninsular Malaysia**. Institute of Advance Studies. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Lim, D. 1983. *Malaysian Development Planning*, Pacific Affairs, Vol.55 (4): 613-639
- Malaysia. 2005. **Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010)**. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2010. **Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011-2015)**. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional.
- Rudner, M. 1983. *Changing Planning Perspectives of Agricultural Development in Malaysia*, **Modern Asian Studies**, Vol.17 (3): 413-435.

ⁱ Di sebut sebagai “*building upon the best*” oleh Jomo dan Ishak (1986) dalam *Development Policies and Income Inequality in Peninsular Malaysia*. Institute of Advance Studies. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

ⁱⁱ Perkara ini dibincangkan dengan panjang lebar oleh Edmund Terence Gomez dan Jomo K.S. (1997) bab 5 *The 'New Rich'* dalam *Malaysia's Political Economy; Politics, Patronage and Profits*. Rujuk juga Peter Searle (1999), bab 7 *Private Malay Capital: Rentiers, Transitional Groups and Entrepreneurs* dalam *The Riddle of Malaysian Capitalism; Rent-Seekers or Real Capitalists?*

ⁱⁱⁱ Lima strategi tersebut ialah (Utusan Malaysia, 11 Januari 2004: 1-2):

1. Mempelbagai kegiatan ekonomi, industri dan perniagaan sebagai punca pendapatan tambahan peneroka, selain kegiatan berasaskan perladangan.
2. Mempelbagai kaedah untuk memberi ilmu pengetahuan baru kepada peneroka termasuk generasi baru.
3. Memastikan program Sawari atau “satu wilayah satu produk” di setiap tanah rancangan diusahakan secara bersungguh-sungguh.
4. Mewujudkan lebih banyak industri kecil dan sederhana (IKS) berasaskan tani.

-
5. Mengembangkan anak-anak generasi kedua peneroka membantu dan menjadi penggerak setiap program pembangunan dan sosial.

^{iv} Rujuk juga Asan Ali Golam Hassan. 1998, bab 4 Strategi Pembangunan Koperasi Masa Depan – Dasar Koperasi untuk pembangunan negara dalam buku *Gerakan Koperasi Di Malaysia: Peranan dan Strategi Dalam Pembangunan Negara*.